

## **PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (PENGAWALAN SPESIES IKAN YANG TERANCAM) 1999\***

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 61 Akta Perikanan 1985, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### **1. Nama.**

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan yang Terancam) 1999.**

## **2. Larangan.**

(1) Tiada seorang pun boleh memancing, mengganggu, mengusik, menangkap, membunuh, mengambil, memiliki, menjual, membeli, meng-eksport atau mengangkut mana-mana spesies ikan yang terancam yang dinyatakan dalam Jadual kecuali dengan kebenaran secara bertulis daripada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh, dalam memberikan kebenaran secara bertulis yang disebut dalam subperaturan (1), mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Jika mana-mana spesies ikan yang terancam yang dinyatakan dalam Jadual ditangkap atau diambil dengan tidak sengaja semasa menangkap ikan, spesies ikan yang terancam itu hendaklah, jika masih hidup, dilepaskan dengan segera atau, jika telah mati, penangkapan atau pengambilannya itu hendaklah dilaporkan kepada pegawai perikanan dan spesies ikan yang terancam ini hendaklah dilupuskan mengikut arahan-arahannya.

## **3. Kesalahan.**

Mana-mana orang yang melanggar subperaturan 2(1) atau mana-mana syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan 2(2) melakukan suatu kesalahan.

JADUAL  
(Peraturan 2)

SPESIS IKAN TERANCAM

*Spesis di bawah kumpulan Dugong*  
Dugong dugon

*Spesis di bawah kumpulan Paus*

Balaenoptera edeni  
Balaenoptera borealis  
Balaenoptera musculus  
Balaenoptera physalus  
Balaenoptera acutorostrata  
Megaptera novaeangliae

*Spesis di bawah kumpulan Lumba-lumba*

Orcaella brevirostris  
Sousa chinensis  
Orcinus orca  
Tursiops truncatus  
Lagenodelphis hosei  
Stenella longirostris  
Globicephala macrorhynchus  
Grampus griseus  
Kogia breviceps  
Neophocaena phocaenoides  
Delphinus delphis  
Pseudorca crassidens  
Physeter catodon

*Spesis di bawah kumpulan Lumba-lumba*

Orcaella brevirostris  
Sousa chinensis  
Orcinus orca  
Tursiops truncatus  
Lagenodelphis hosei  
Stenella longirostris  
Globicephala macrorhynchus  
Grampus griseus  
Kogia breviceps  
Neophocaena phocaenoides  
Delphinus delphis  
Pseudorca crassidens  
Physeter catodon

*Spesis di bawah kumpulan Yu Paus*

Rhinocodon typus Smith

*Spesis di bawah kumpulan Kima*

Tridacna gigas  
Tridacna squamosa  
Tridacna maxima  
Tridacna crocea